



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
21 November 2019**

ASNB LAKSANA PROGRAM KEMASKINI MANDATORI BUTIRAN PEMEGANG UNIT

KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2019: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat unit amanah milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) menjadikan proses mengemaskini butiran peribadi pemegang unit sebagai mandatori bermula 11 November 2019.

Ini bermakna pemegang unit perlu mengemaskini butiran peribadi mereka apabila berurusan di mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB jika mereka belum berbuat demikian sebelum ini. Pemegang unit yang telah mempunyai akaun portal myASNB juga akan diminta untuk mengemaskini butiran peribadi semasa log masuk.

Langkah ini bertujuan memastikan ASNB mempunyai pangkalan data pemegang unit yang lengkap dan terkini dalam usaha syarikat untuk menambah baik produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada semua pemegang unit ASNB selain melindungi akaun mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad Hussin berkata, pangkalan data pemegang unit yang dikemaskini akan membolehkan ASNB memberi perkhidmatan yang lebih baik dan bernilai tambah kepada pemegang unit.

“Pemegang unit yang telah mengemaskini butiran peribadi juga boleh menggunakan kemudahan dalam talian yang kami tawarkan menerusi portal myASNB (www.myasnb.com.my) secara percuma termasuklah pelaburan tambahan, pelaburan bulanan automatik Auto Labur dan semakan urus niaga serta baki terkini”.

Selain itu katanya, dengan maklumat pemegang unit yang terkini, ASNB mempunyai keupayaan untuk mengesan dan melindungi akaun pemegang unit dari sebarang urusan niaga mencurigakan dan pemegang unit juga boleh dihubungi apabila perlu.

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Mohammad menambah, selaras dengan pelaksanaan program kemaskini butiran peribadi ini, pihaknya menjangkakan tempoh untuk mengurus niaga di Cawangan ASNB atau Ejen ASNB akan mengambil sedikit masa berbanding biasa. “Ini kerana pegawai kami perlu mengemaskini dan mengesahkan data peribadi pemegang unit secara masa nyata (real time) untuk disahkan sendiri oleh pemegang unit bagi memastikan tidak berlaku penipuan terutamanya oleh pihak ketiga.

“Langkah ini juga untuk memastikan perlindungan data peribadi pemegang unit sentiasa berada pada tahap tertinggi. Sehubungan itu, kami memohon supaya pemegang unit bekerjasama dengan memberikan maklumat yang betul supaya proses kemaskini ini dapat berjalan dengan lancar,” katanya.

Pemegang unit ASNB akan diminta mengemaskini 17 butiran peribadi termasuklah nombor telefon, alamat, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Proses kemaskini ini hanya boleh dilakukan di Cawangan atau Ejen ASNB untuk mengelak sebarang penipuan terutamanya membabitkan penipuan identiti.

Keperluan untuk mengemaskini butiran pemegang unit ini juga adalah selari dengan ketetapan pihak kawal selia industri yang menetapkan supaya butiran peribadi pemegang unit sentiasa dikemaskini untuk melindungi maklumat peribadi dan urusan niaga pemegang unit.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program ini, pemegang unit ASNB boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 – 7730 8899, e-mel asnbcare@pnb.com.my, Facebook Amanah Saham Nasional Berhad atau ASNBTweet.

Sila layari Laman Web ASNB di www.asnb.com.my untuk maklumat lanjut.

- *tamat* -

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad